

19/04/1998

Dr Mahathir saksikan dua MoU

JOHOR BAHRU: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang dalam rangka lawatan kerja dua hari ke Johor, semalam menyaksikan dua majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU).

Perjanjian pertama ialah antara Pertanian Johor Tenggara, anak syarikat Johor Tenggara Oil Palm Berhad (JTOP) dan Teknik Segar Sdn Bhd yang membabitkan kerjasama mempromosi dan membangunkan Taman Teknologi di Ladang Sisek, Kota Tinggi.

Kedua-dua pihak itu berhasrat bersama-sama pihak lain untuk membangunkan ladang itu sebagai Taman Bioteknologi.

MoU kedua membabitkan tiga pihak iaitu Universiti Teknologi Malaysia, Equiventures Sdn Bhd dan sebuah syarikat Perancis, Suez Lyonnaise Des Eaux.

Perjanjian itu ialah kerjasama dalam bidang penyelidikan dan pembangunan pengurusan sumber air serta projek mengoptimum penghantaran air mentah ke Loji Sungai Johor dan Sungai Layang di Kota Tinggi.

(END)